

28/10/2003

Agenda Dr Mahathir harus diteruskan

Azimi Daim

BERATUS-RATUS pesanan ringkas (SMS) menghujani telefon bimbit, hampir semuanya mengucapkan salam Ramadan. Satu daripadanya menyebut maksud hadis: "di awalnya rahmat, pertengahannya keampunan, akhirnya kebebasan."

Puasa juga hendak memikirkan jawapan yang mengejut minda. Kemudian dari hadis mengenai keberkatan Ramadan itu terdetik di fikiran, awal dan pada asasnya semua yang hidup diberikan rahmat kasih sayang keluarga, makan minum, tempat tinggal dan pakaian.

Pada pertengahan perjalanan hidup, kita memerlukan banyak keampunan selepas melalui pelbagai liku, sesekali tersilap, terlebih dan terkurang.

Maka kita memohon kemaafan.

Bezanya pula, pada akhir kehidupan, kita bakal pasrah untuk menghadap Allah. Sehingga ke saat hujung hayat, waktu nyawa bakal terpisah dari jasad, kita diuji dengan pilihan jalan yang benar atau tidak. Memang memilih itu kebebasan, tetapi tiada lain yang wajar kita harapkan.

Bagaimanapun, semakin kita menghampiri akhir Oktober, rakyat Malaysia diselubungi kesayuan. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berundur dari semua jawatannya dalam kerajaan dan politik, Jumaat ini.

Terlalu ramai yang mahu menganjurkan acara untuk beliau, namun kebanyakannya puas berfikir apakah nostalgia yang dapat memberi nilai dan makna yang tinggi di hati Dr Mahathir.

Ketika merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk (PPP), Ahad

lalu, mesej utama dan harapan beliau adalah supaya rakyat mengekalkan formula perpaduan, keamanan dan kemakmuran yang sedia ada.

Bukan setakat itu, jelas sekali Dr Mahathir mahu rakyat memperkukuhkan hubungan masyarakat majmuk supaya Malaysia yang sudah dijulang namanya, tidak hilang di dunia.

Kemerdekaan yang dicapai juga diperjuangkan secara aman, menerusi kebijaksanaan berunding dengan penjajah. Kemerdekaan juga kita isi dengan perpaduan dan keamanan sehingga kita mampu memajukan sistem pendidikan. Pelajaran yang mengisi kotak fikiran rakyat memacu kemajuan, memudahkan kelancaran pentadbiran dan pengurusan negara.

Sesekali konflik turut menguji ketahanan perpaduan dan minda kita. Akhirnya di meja rundingan juga kita selesaikan. Parti Komunis Malaya secara rasmi meletak senjata dan menamatkan sengketa dengan cara yang sama dan Peristiwa 13 Mei membina asas kerukunan baru hidup bersama. Semuanya dengan berfikiran positif dan berunding.

Hampir setiap tahun, kita terus diuji, baik ketika kemelesetan ekonomi mahupun saat mengukuh kembali sistem kehidupan bernegara ini. Walaupun sistem pendidikan ada waktunya disentak oleh pelajar yang kurang ajar, gangsterisme; jenayah meningkat menjelang perayaan; salah laku semakin canggih dengan perkembangan teknologi, majoriti rakyat sedar dan menghargai formula yang sudah terbukti tahan diuji.

Tiada siapa lagi dapat menafikan formula rakyat Malaysia, perpaduan dan keamanan menjadi asas pelbagai kemajuan di negara ini. Dr Mahathir sudah membuktikan Malaysia Boleh. Walaupun kita bergerak dalam cara berlainan, Malaysia keluar dari masalah serangan penyangak mata wang dengan gaya sendiri.

Pada mesyuarat agung PPP itu, Dr Mahathir menegaskan sekali lagi supaya kita mesti berusaha untuk bersatu-padu.

Agenda pembinaan bangsa mesti diteruskan. Sekolah Wawasan adalah satu daripada pendekatan yang berpotensi membuahkan harapan mencapai kejayaan.

Dalam kebanyakan bangsa dan negara di dunia ini, peranan yang paling mudah dilakukan adalah membantah, mencemuh dan mengata orang lain. Di negara ini juga mudah untuk mengkritik sesedap hati apa yang sudah dilaksanakan oleh kerajaan.

Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Jambatan Pulau Pinang, menara Berkembar KLCC, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Putrajaya, Litar Lumba F1 Sepang, Dayabumi, Menara Kuala Lumpur, Kompleks Sukan Bukit Jalil, Empangan Hidroelektrik Bakun, Monorel, KTM Komuter, Penswastan, Persyarikat Malaysia, Dasar Pandang ke Timur, Perusahaan Otomobil Nasional (Proton), Perusahaan Otomobil Kedua (Perodua), Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dan Lebuhraya Utara Selatan (Plus) semuanya pernah dibantah pembinaannya. Alasan mereka MEMBAZIR dan AKAN MENJADI GAJAH PUTIH.

Kini kebanyakan golongan yang mengkritik (bercakap) ini tidak serupa bikin. Mereka yang menggunakannya. Malah ada pula yang meminta lebuhraya dibina di kampung mereka.

Ketika Dr Mahathir hendak bersara, golongan yang mengkritik ini sudah lama dan banyak menggunakan lebuhraya Plus, Jambatan Pulau Pinang dan pelbagai kereta nasional. Mereka ini kini pula hendak membuat laporan polis, mendakwa kononnya Dr Mahathir pernah salah laku. Pihak ini sebenarnya juga menikmati hasil pengagihan saham menerusi Koperasi Al-Hilal.

Saya sempat membaca SMS pembaca kepada beberapa akhbar. Bagi kami dari meja komputer ini, "Iman menerangi hidup kami, ayahanda Dr Mahathir pesanan dan nasihatmu akan terus menyinari tanah air kami."